



Juruelektrik dipenjara enam hari, denda RM3,500 perdaya individu tak lapor ubah suai meter TNB

Sentiment	Neutral	Frequency	Daily
Outlet Country	Malaysia	Outlet Language	Malay
Impressions	101,340	Circulation	50,670
PR Value	30,402	Page	3

Page Location



Juruelektrik dipenjara enam hari, denda RM3,500 perdaya individu tak lapor ubah suai meter TNB



SHAH ALAM: Seorang juruelektrik dijatuhan hukuman penjara enam hari dan denda RM3,500 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam kerana memperdaya seorang lelaki untuk tidak melaporkan pengubahsuai-an meter elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Hakim Datuk Mohd Nasir Nordin menyatuhkan hukuman itu selepas S. Thiagarajan, 40, mengaku bersalah atas satu pertuduhan pilihan dan merintahkan hukuman penjara bermula dari tarikh tangkap serta penjara enam bulan jika gagal membayar denda.

Lelaki itu didakwa mem-perdaya seorang pemilik premis makanan untuk me-

nyerahkan wang tunai ber-jumlah RM780 sebagai balasan untuk tidak melaporkan kepada pihak TNB berkenaan pengubahsuai-an meter elek-trik yang dilakukan di premis tersebut.

Kesalahan itu dilakukan di Puchong pada 20 Mac lepas mengikut Seksyen 417 Kanun Keseksian yang boleh dipenjara maksimum lima tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Terdahulu, tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu hukuman ringan kerana perlu menanggung empat anak yang masih kecil selain pendapatan keluarga yang tidak menentu.

"Saya memohon maaf kepada mahkamah dan akui kesalahan saya...sebelum dituduh saya telah direman selama enam hari dan ia pen-galaman yang menginsafkan, saya tak boleh jumpa anak dan isteri," katanya.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Asmaa' Zamri memohon mahkamah mempertimbangkan hukuman berbentuk pencegahan mengambil kira keseriusan kes. — Bernama

BERSALAH: Thiagarajan di-jatuhan hukuman penjara enam hari dan denda RM3,500 oleh Mahkamah Sesyen di Shah Alam semalam kerana memperdaya seorang lelaki untuk tidak melaporkan pengubahsuai-an meter elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB).

— Gambar Bernama